



JABATAN PERTANIAN MALAYSIA

(Department of Agriculture Malaysia)

ARAS 1 - 3, WISMA TANI

JALAN SULTAN SALAHUDDIN

50632 KUALA LUMPUR

Tel: 603-2030 1400

Faks: 603-2691 3530 / 3550

E-mel: pro@doa.gov.my

Portal Rasmi: www.doa.gov.my

Ruj. Tuan

Ruj. Kami : JP.BBT.207/SKIP/350/A Jld 12 (76)

Tarikh : 8 Ogos 2024

Ketua Pengarah

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)

Aras 4, Menara 4G1, Wisma Tani

No 28, Persiarana Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 Putrajaya

Tuan,

PEMBERITAHUAN BERHUBUNG PENGAKTIFAN SYARAT IMPORT BAHARU BAGI KONSAINAN WOOD PACKAGING MATERIAL (WPM)

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah berkaitan dan dirujuk.


2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Pertanian telah menyahaktifkan (*inactive*) semua syarat import yang melibatkan kayu sebagai bahan pembungkus berasaskan kayu seperti *Used Wooden Pallet, Plywood, Used Wooden Crates, Wooden Euro Collar, Wooden Euro Pallet, Wooden Pallet, Wooden Box, Wooden Storage Box, Wooden Cable Drum, Wooden Drum* dan lain-lain bentuk seperti yang dinyatakan di dalam ISPM 15. Ini bagi mengemaskini syarat import baharu dengan hanya menggunakan satu (1) bentuk pengimportan (*description form*) sahaja iaitu *Wood Packaging Material (WPM)* dan ianya terpakai kepada semua WPM yang baharu (*new*), telah digunakan (*used*) atau digunapakai semula (*reuse*).

3. Untuk makluman tuan, Mesyuarat Jawatankuasa Analisis Risiko Perosak Bilangan 5/2024 bersetuju supaya semua WPM adalah tertakluk kepada keperluan Import Permit (IP) MAQIS. Sekiranya WPM tersebut mempunyai cop ISPM 15 yang sah sekurang-kurangnya pada dua sisi bertentangan, maka ianya tidak tertakluk kepada keperluan Sijil Fitosanitasi (*Phytosanitary Certificate, PC*) dan tiada rawatan dikenakan. Namun, sekiranya WPM tersebut tidak mempunyai cop ISPM 15 yang sah, WPM tersebut adalah tertakluk kepada keperluan IP MAQIS, Sijil Fitosanitasi (PC) dan rawatan sepertimana yang dinyatakan di dalam permit import.

ANDA KAMI UTAMAKAN



MS ISO 9001:2015 (DSM 000565)



MS ISO 37001:2016 (ABMS 00275)

4. Sehubungan itu, Jabatan telah melaksanakan pengemaskinian syarat import sedia ada, memuatnaik dan mengaktifkan syarat import baharu bagi konsainan WPM tersebut di dalam sistem ePermit DagangNet. Bagi permohonan pengimportan baharu, ianya adalah tertakluk kepada permohonan baharu secara atas talian menerusi sistem Agrotrade di laman sesawang <https://agrotrade.kpk.gov.my/login>. Jabatan berharap supaya pihak tuan dapat membuat hebahan kepada semua pegawai di pintu masuk serta pemegang taruh yang terlibat dengan pengimportan WPM ini.

Sekiranya pihak tuan memerlukan maklumat atau penjelasan lebih lanjut berkenaan perkara ini, sila hubungi talian 03-2030 1400 (Unit Kawalan Import dan PRA) atau emelkan kepada unitimportpra@doa.gov.my.

Sekian, terima kasih.

'MALAYSIA MADANI'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,



(Ts. ROSMAWATI BINTI SELAMAT)

Pengarah

Bahagian Biosekuriti Tumbuhan

b.p Ketua Pengarah Pertanian

Jabatan Pertanian Malaysia

s.k:

1. Ketua Pengarah Pertanian
2. Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pengurusan dan Regulatori)
3. Timbalan Pengarah, Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
4. Ketua Seksyen Kawalan Import dan Penguatkuasaan Akta
5. Ketua Unit Kawalan Import & PRA
6. Ketua Unit Perundangan & Penguatkuasaan